

Guru Pendidikan Islam Sebagai Model Akhlak

Salbiah Mohamed Salleh, Jamil bin Ahmad & Mohd Aderi Che Noh

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

salbiahukm81@gmail.com

ABSTRAK

Guru Pendidikan Islam merupakan contoh terbaik yang berperanan sebagai contoh ikutan pelajar. Pembelajaran berkesan ialah pembelajaran melalui permodelan tingkah laku guru. Guru merupakan model yang mempunyai peranan penting untuk membentuk peribadi pelajar. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan peranan yang dimainkan oleh Guru Pendidikan Islam sebagai model akhlak. Perbincangan akan disasarkan kepada Model Akhlak Nasih Ulwan dan Teori Permodelan Bandura yang menghuraikan peranan guru sebagai model akhlak serta elemen akhlak yang perlu diamalkan oleh setiap Guru Pendidikan Islam.

Kata Kunci: Guru Pendidikan Islam, akhlak, Nasih Ulwan, Bandura

ABSTRACT

Islamic Education Teacher is the best example that serves as a role model for students. Effective learning is learning through modeling behavior of teacher. The teacher is a model that has an important role to shape a student. Thus, this article aims to discuss the role played by the Islamic Education Teacher as a moral model. The discussion will be targeted to Model Akhlaq Nasih Ulwan and Modeling Bandura's theory that describes the role of teachers as models of morality and moral elements that should be practiced by every Islamic Education Teacher.

Key words: Islamic Education Teacher, moral, Nasih Ulwan, Bandura

PENDAHULUAN

Perubahan mendadak dalam dunia pendidikan telah menukar banyak konsepsi umum tentang peranan guru. Perubahan ini menuntut kepada komitmen guru menggalas pelbagai tugas dan tanggung jawab yang sentiasa berubah. Tugas rencam guru perlu dilaksanakan seiring dengan transformasi pendidikan dalam negara. Imbas kembali sekitar tahun 1990-an, guru digesa agar menjadi lebih kreatif dan inovatif bagi menjayakan aspirasi Wawasan 2020. Namun demikian, beberapa tahun kebelakangan ini guru dituntut agar menguasai teknologi, menambah kepakaran dan kemahiran dalam subjek serta peka terhadap perubahan murid dan masyarakat. Hakikatnya, institusi pendidikan sebagai satu institusi yang melahirkan produk modal insan seharusnya sentiasa proaktif bagi mencapai matlamat pendidikan tersebut. Walaupun peranan dan tugas yang sentiasa berubah, namun asas yang menjadi dasar kepada setiap guru tidak berubah iaitu sebagai pemacu akhlak dan sahsiah yang terpuji. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam, Guru Pendidikan Islam berperanan sebagai model akhlak yang dikagumi dan dicontohi seiring dengan tuntutan agama. Guru Pendidikan Islam perlu memenuhi tuntutan masyarakat untuk menjadi qudwah hasanah kepada komuniti samada secara langsung atau tidak langsung.

PERANAN GURU SEBAGAI MODEL AKHLAK

Guru Pendidikan Islam merupakan individu yang memegang amanah untuk menjayakan Falsafah Pendidikan Islam. Guru Pendidikan Islam dituntut untuk mengembangkan potensi murid sama ada dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Tuntutan yang mencabar ini memerlukan

persiapan jati diri dan peribadi mantap yang perlu diusahakan oleh setiap Guru Pendidikan Islam. Mendidik pelajar yang seimbang dari sudut jasmani dan rohani bermakna guru perlu terlebih dahulu mempunyai keseimbangan jasmani dan rohani. Keseimbangan ini memerlukan guru membersihkan diri daripada sifat yang tercela dan mengamalkan amalan yang terpuji.

Hal ini dinyatakan secara jelas oleh Bahagian Pendidikan Guru (2001) yang menyatakan:

“Bahagian Pendidikan Guru (BPG) ingin melahirkan guru berakhlak mulia, berpandangan positif dan saintifik, sedia memenuhi inspirasi memelihara satu masyarakat yang bersatu, demokratik, progresif, berdisiplin dan berdaya maju”.

(Bahagian Pendidikan Guru, halaman. 94).

Kejayaan sesebuah institusi pendidikan banyak bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh guru. Guru yang mengamalkan nilai dan sahsiah yang terpuji dapat memberi kesan kepada kualiti kerja, peningkatan akademik murid serta pengaruh yang besar kepada organisasi. Ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan iaitu guru yang mempunyai peibadi yang baik mampu memberi impak kepada prestasi murid (Hay McBer 2000), mewujudkan pembelajaran bermakna (Fenderson 2009), mempengaruhi prestasi kerja (Saedah & Mohamad Sani 2012) seterusnya mempengaruhi sikap dan tingkah laku pelajar (Nasih 1989; Ab. Halim et al. 2007).

Pelajar sebagai pelanggan kepada guru akan mudah terpengaruh dengan sikap dan penampilan pendidik kerana banyak masa diluangkan bersama pendidik (Gamal 2003; Mohd Aderi et al. 2015). Bagi memastikan kesinambungan akhlak pelajar, Oser (1996) dan Berkowitz (1997) juga bersetakat bahawa guru perlu mewujudkan budaya nilai di sekolah dengan cara mereka menunjukkan dan mempraktikkan sesuatu nilai yang baik. Antara nilai yang dipersetujui ialah hormat-menghormati, bertanggung jawab dan prihatin. Guru juga sepatutnya mempelajari nilai yang mulia serta menunjukkan kepada pelajar cara refleksi kepada nilai tersebut melalui tingkah laku yang baik (Veugelers & Vedder 2003).

Di luar negara, penekanan serius turut diberikan untuk memantapkan peranan guru sebagai agen moral dalam masyarakat. Isu yang timbul di negara barat ialah konflik antara nilai yang dibawa oleh keluarga, guru dan masyarakat (Veugelers & Vedder 2003). Murid dilihat keliru dengan nilai yang perlu diamalkan kerana mereka berhadapan dengan kod etika dan nilai berbeza yang menjadi amalan di rumah dan sekolah. Justeru, peranan guru sebagai pengimbang tara sangat penting untuk menyeimbangkan konflik yang dihadapi oleh pelajar. Peranan guru sebagai agen moral perlulah mengambil kira nilai sesebuah keluarga, nilai masyarakat dan nilai yang menjadi keutamaan di sekolah. Peranan yang dimainkan oleh guru dapat membantu pelajar menerima tingkah laku yang dipamerkan oleh guru, menaakul dan seterusnya meniru perbuatan tersebut.

Di Malaysia, beberapa usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memantapkan peranan guru sebagai model terbaik dari sudut nilai dan moral. Usaha ini bermula dengan peringkat pemilihan guru yang ketat, di mana bakal-bakal guru dipilih daripada graduan yang mampu menonjolkan keperibadian sebagai seorang guru yang kompeten, berpekeri mulia serta mempunyai sahsiah terpuji. Seterusnya matlamat untuk memperkasakan guru juga turut diperincikan secara jelas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) iaitu untuk menggagahkan perwatakan guru bercirikan keikhlasan, kesungguhan, keberanian dan ketegasan. Secara khusus, matlamat PPPM adalah untuk meninggikan kemuliaan peribadi dan prestij guru. Untuk menjayakan aspirasi PPPM, setiap guru perlu melengkapkan diri dengan peribadi yang terpuji serta sahsiah yang mantap bagi memastikan kelangsungan agenda pendidikan negara.

Terdahulu Bahagian Pendidikan Guru (1996) telah merangka Model Konseptual Pendidikan Guru bagi menekankan akauntabiliti guru secara komprehensif kepada tiga dimensi utama iaitu sendiri, kemasyarakatan dan ketuhanan. Model ini secara khusus merangkumkan peranan utama yang perlu dihayati oleh seseorang guru supaya lebih seimbang antara tuntutan individu, masyarakat dan agama. Pembentukan Model komprehensif ini didasari oleh keperluan untuk mewujudkan guru yang berkualiti, efektif dan kompetitif. Elemen yang menjadi fokus dalam model ini selari dengan ajaran Islam yang menekankan kepada cara hidup yang syumul dan sentiasa menganjurkan manusia terutama mereka yang bergelar pendidik mempunyai keseimbangan antara hubungan ketuhanan, kemanusiaan dan alam.

Model Konseptual Pendidikan Guru



(Sumber: Bahagian Pendidikan Guru 1996)

Peranan guru sebagai wadah pembentuk akhlak merupakan tanggung jawab yang dipikul oleh semua guru. Namun Guru Pendidikan Islam secara khusus memegang amanah yang cukup besar untuk menggilap potensi murid dari sudut akal, jasmani dan rohani pelajar. Ini kerana peranan GPI sebagai model ikutan pelajar lebih menonjol berbanding guru subjek lain (Abdul Muhsien 2014). Tanggung jawab Guru Pendidikan Islam untuk mengajar pendidikan akhlak merupakan satu tuntutan yang besar yang perlu dipenuhi dengan cara mendemonstrasikan tingkah laku yang seiring dengan akhlak yang dituntut dalam Islam. Amanah besar yang dipikul menuntut kepada kesempurnaan sahsiah Guru Pendidikan Islam supaya dapat dijadikan panduan peniruan tingkah laku samada di dalam atau di luar institusi pendidikan.

Perbincangan tentang peranan guru sebagai model akhlak bukan sahaja dibincangkan dalam konteks agama Islam (an-Nahlawi 1979; al-Ghazali 1988; Nasih 1989) tetapi diakui oleh sarjana barat (Bandura 1963; Veugelers & Vedder 2003). Antara sarjana Islam yang membincangkan tentang peranan guru sebagai contoh ikutan dalam akhlak mahmudah ialah Nasih Ulwan. Manakala Teori Permodelan Bandura juga turut membincangkan secara khusus tentang guru sebagai model bagi tingkah laku pelajar.

MODEL AKHLAK GURU NASIH ULWAN

Abdullah Nasih Ulwan lahir di Syria pada tahun 1928. Beliau hidup sezaman dengan Ikhwanul Muslimin dan bergerak cergas dalam gerakan Islam. Beliau berkelulusan dalam bidang Pendidikan Islam dan bertugas mengajar di beberapa institusi pendidikan dan masjid di Syria. Ketika tekanan semakin kuat di Syria, beliau berhijrah ke Jordan pada tahun 1979 dan kemudian bertugas

di Universiti Abdul Malik Al-Aziz di Jeddah. Beliau telah menghasilkan karya yang cukup besar dalam bidang pendidikan anak-anak iaitu "Tarbiatul Aulad". Kitab karangan beliau menjadi rujukan utama oleh pendidik di serata dunia. (Nasih 2013)

Nasih Ulwan berpendapat pendidikan melalui tauladan sebagai satu kaedah yang paling berkesan terutamanya untuk membentuk rohani dan jasmani pelajar. Guru merupakan contoh terbaik yang akan ditiru oleh pelajar samada dari sudut ucapan, perbuatan, material atau spiritual, secara langsung atau tidak langsung (Nasih 2013). Peranan guru untuk mendidik bukan sahaja perlu ditonjolkan melalui pengajaran formal tetapi perlu seiring dengan tingkah laku yang sepadan dengan ajaran yang disampaikan.

Guru dan akhlak merupakan dua aspek yang tidak boleh dipisahkan. Ini kerana semua yang ditonjolkan oleh guru bahkan emosi guru akan meresap masuk dalam jiwa dan fikiran pelajar (an-Nahlawi 1979). Segala perbuatan dan tingkah laku murid merupakan pantulan daripada tingkah laku guru (Zaharah 2008). Justeru, Islam menuntut kepada guru yang kompeten yang mampu berperanan sebagai murabbi, muallim, mudarris, muaddib dan mursyid (Ab. Halim, Mohd Izham & Masribanun 2007).

Walau bagaimanapun al-Attas (1998) lebih bersetuju dengan penggunaan istilah ta'dib dalam pendidikan dan muddib kepada pendidik yang berperanan sebagai pelaksana pendidikan. Beliau melihat peranan guru sebagai mu'addib paling sesuai dengan konteks manusia yang lebih luas yang merangkumi konsep murabbi, muallim, mudarris dan mursyid (Abdul Muhsien 2014). Guru sebagai muaddib menunjukkan guru berperanan dalam konteks pendidikan yang sebenar iaitu untuk membentuk jiwa, nilai, adab dan rohani pelajar. Hal ini bersesuaian dengan matlamat utama pendidikan menurut Islam ialah untuk membentuk nilai, adab dan akhlak individu sehingga sempurna. Sebagai mana Rasulullah (saw) diutuskan untuk menyempurnakan akhlak umat.

Tugas guru sebagai mu'addib iaitu pembentuk adab, pemindah nilai yang baik kepada pelajar bersesuaian dengan konsep *tazkiyah nafs* iaitu penyucian jiwa seperti yang dianjurkan oleh al-Ghazali. Guru berperanan untuk menghasilkan manusia yang memahami hakikat menyucikan hati dari sifat mazmumah (*takhalli*), menghiasi diri dengan sifat yang terpuji (*tahalli*) seterusnya membawa pelajar kepada mengenal Allah (*tajalli*) (al-Ghazali 1998). Peranan Guru Pendidikan Islam dilihat sangat penting untuk mewujudkan insan yang menyedari tanggungjawab kehidupan di dunia dan akhirat bukan sahaja mematuhi apa yang terpatery dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) bahkan selaras dengan tuntutan Islam (Mohd Aderi & Ab. Halim 2009).

Pendidikan yang berpusatkan guru merupakan pendekatan yang positif dalam bidang pendidikan (Abdul Muhsien 2014). Ini kerana secara semulajadinya pendidikan dalam Islam memerlukan kepada penunjuk jalan, model dan contoh yang kental dan komited serta mempunyai prinsip sebagaimana Rasulullah (saw) diutuskan sebagai ikutan yang mulia, demikian juga guru yang berperanan sebagai pewaris nabi perlu meneruskan tugas yang mulia ini dengan cara sentiasa melazimi akhlak yang terpuji. Sabda Rasulullah (saw) dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud :

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia"

(Mukhtasar Maqasid, 184)

Nasih Ulwan (1989) dalam kitabnya telah menerangkan secara terperinci sifat dan ciri-ciri yang perlu ada pada seorang guru. Antaranya ialah (1) ikhlas mendidik murid kerana keikhlasan yang timbul mampu diterjemah oleh pelajar kerana pendidikan melibatkan hubungan jiwa dengan jiwa; (2) bertakwa kepada Allah dengan mematuhi segala suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya; (3) sentiasa amanah dengan masa, tugas yang diberikan serta amanah dengan ilmu yang diajar; (4) melazimi kata-kata yang sopan serta tidak mengeluarkan kata-kata yang kesat dan menghina pelajar; (5) sentiasa berlemah lembut dalam setiap perbuatan kerana kelembutan mampu melembutkan hati pelajar; (6) prihatin dengan tindakan murid dengan cara sentiasa memerhatikan kebolehan, kemampuan dan kelemahan murid agar pengajaran yang diajar bersesuaian dengan tahap murid; (7) sentiasa adil apabila melayan atau mengenakan hukuman bagi memastikan tiada sikap pilih kasih dan (8) mengasihi murid dengan penuh kasih sayang kerana kasih sayang dapat mengikat hati murid dan guru. Kesemua sifat-sifat yang digariskan oleh Nasih Ulwan merupakan sifat utama yang perlu menjadi pegangan guru.

Model Akhlak Guru yang dikemukakan oleh Nasih Ulwan merupakan model yang mantap merangkumi hubungan yang perlu dijaga dengan Allah dan hubungan yang perlu dijaga dengan manusia iaitu pelajar. Beliau juga menekankan unsur batiniah dan lahiriah yang merangkumi akhlak dalaman dan akhlak luaran guru. Hubungan dengan Allah merangkumi sifat taqwa, ikhlas dan amanah. Taqwa merupakan sifat hati-hati yang perlu disantuni oleh setiap guru dengan cara melakukan setiap suruhan Allah dan meninggalkan larangannya. Kesan ketaqwaan yang ditunjukkan oleh guru akan menyebabkan pelajar turut terbiasa dengan sifat berjaga-jaga dalam setiap tindak tanduk. Ikhlas pula merupakan penentu suatu amalan itu diterima atau ditolak. Hampir kesemua sarjana Islam bersetuju bahawa seorang guru perlu ikhlas mendidik tanpa mengambil kira soal upah yang akan diterima (al-Ghazali 1988; al-Attas 1998; Abdul Muhsien 2014). Seterusnya guru disaran untuk bersifat amanah dengan masa, ilmu dan tugas yang diberikan. Guru tidak wajar mengeluarkan hukum tanpa ilmu yang mendalam dan meninggalkan kelas walau atas apa urusan (Gamal 2003).

Hubungan dengan pelajar pula hendaklah dijalin atas dasar sifat keibubapaan. Nasih (1989) menjelaskan guru hendaklah mempamerkan sifat kasih sayang yang tinggi kerana melalui kasih sayang pelajar akan mudah untuk mendengar nasihat dan teguran guru. Guru hendaklah menjaga tutur kata dengan mengucapkan perkataan yang sopan dan mengelakkan daripada memanggil pelajar dengan panggilan yang tidak disukai, mengherdik atau menghina pelajar. Seorang guru yang berkesan ialah sentiasa adil kepada pelajar dengan cara tidak membezakan pelajar samada murid yang pandai atau lemah, murid yang senang atau susah. Hakikatnya seorang guru hendaklah prihatin dengan tindak tanduk pelajar dan mengenali latar belakang keluarga pelajar. Ini kerana apabila guru mula mengenali pelajar, proses pembelajaran akan berjalan dengan lancar (Sarimah, Mohd Jailani, Ab. Halim & Kamarulzaman 2011).

TEORI PERMODELAN BANDURA

Albert Bandura dilahirkan pada 4 Disember 1925 di Kanada. Bandura merupakan pelopor kepada Teori Pembelajaran Sosial yang yang mempercayai proses pemindahan ilmu berkait rapat dengan norma moral masyarakat. Teori pembelajaran Bandura turut dikenali Teori Pembelajaran Sosial-Kognitif yang kemudiannya dikenali Teori Permodelan Bandura (Bandura 1963). Berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Bandura, *role-model* merupakan alat yang paling berkesan untuk memindahkan nilai, sikap dan bentuk pemikiran serta tingkah laku kepada orang lain (Bandura 1971). Dari sudut pendidikan, guru merupakan role-model yang bukan sahaja mengajar tentang nilai dan moral tetapi turut berperanan sebagai karektor moral

yang boleh dicontohi (Kohlberg 1981; Veugelers dan Vedder 2003). Guru merupakan antara komponen moral yang menjadi contoh tauladan ikutan pelajar. Teori ini memfokuskan kepada bagaimana pelajar mempelajari melalui pemerhatian dan permodelan tingkah laku (Bandura 1963).

Teori Permodelan Bandura menjelaskan pembelajaran individu adalah berdasarkan peniruan tingkah laku model-model yang berada di sekeliling mereka. Apabila sesuatu peniruan tersebut dikukuhkan, maka tingkah laku tersebut akan sebatu dengan dirinya. Beberapa pengujian menunjukkan pendedahan kepada model yang sama memberi kesan yang besar kepada perubahan tingkah laku, respons emosi, penilaian model dan penilaian sendiri. Proses pembelajaran ini melalui proses kognitif individu yang menilai dan membuat pertimbangan berdasarkan contoh yang ditonjolkan oleh model (Misbach 2013). Hasil pembelajaran akan wujud apabila kod perilaku visual dan verbal diulang dalam kehidupan sehari-hari. Ini menunjukkan apa yang dilihat dan apa yang didengar memberi kesan kepada perilaku murid.

Guru dianggap sebagai model sebenar dalam kehidupan pelajar. Tingkah laku dan perbuatan guru akan menjadi perhatian pelajar-pelajar dan masyarakat. Guru berperanan sebagai model moral untuk diikuti, mengukuh atau mengurangkan tingkah laku yang telah ada serta memindahkan bentuk perilaku yang baru. Hal ini dijelaskan oleh Fenstermacher (1990) yang menjelaskan bahawa seorang guru yang memahami peranan mereka sebagai pendidik moral akan mengambil berat atas setiap perkataan yang dituturkan dan perbuatan yang ditunjukkan. Mereka mengetahui bahawa mereka tidak boleh mengharapkan pelajar bersikap jujur tanpa mereka menunjukkan sikap jujur atau mengharapkan pelajar bersikap pemurah tanpa mereka terlebih dahulu menunjukkan sifat pemurah.

Hakikatnya, proses pembelajaran merupakan kesan daripada pengalaman langsung. Pembelajaran memerlukan contoh ikutan yang baik yang dapat memberi kesan pada kognitif dan tingkah laku. Guru sebagai model berperanan memindah tingkah laku yang dibuat samada secara langsung atau tidak langsung. Bagi Bandura, mengajar bermaksud menunjukkan iaitu mempamerkan perbuatan yang akan ditiru oleh pelajar. Adalah sukar untuk difikirkan satu budaya yang mempunyai bahasa, aktiviti, latar belakang keluarga, pendidikan, agama dan politik yang berbeza tingkah laku mereka hanya dibentuk melalui cuba jaya (*trial and error*) tanpa memanfaatkan pengaruh model yang memainkan peranan penting untuk membentuk pembudayaan tingkah laku.

Terdapat beberapa karakteristik yang perlu dipenuhi oleh guru untuk menjadi model yang efektif iaitu (1) model perlu diiktiraf sebagai kompeten dari sudut tingkah laku. Sekiranya guru dilihat kompeten, tingkah laku guru akan ditiru oleh pelajar; (2) model mempunyai prestij dan pengaruh. Guru yang mempunyai pengaruh merupakan guru yang dipandang hormat oleh pelajar dan masyarakat; (3) model perlu menjaga fitrah jantina samada lelaki atau perempuan. Guru dilihat berperanan penting untuk menonjolkan peranan berasaskan jantina yang seimbang dan sesuai; (4) tingkah laku model hendaklah relevan dan sesuai dengan situasi pemerhati iaitu pelajar. Hal ini menuntut guru mempraktikkan apa yang telah diajar kerana pada hakikatnya pelajar belajar daripada tingkah laku berbanding dengan kata-kata. Kebiasaannya, proses peniruan akan berlaku apabila pelajar mendapati terdapat persamaan dan kesesuaian tingkah laku antara diri mereka dan model (Bandura 1971).

Bandura turut mengemukakan beberapa alasan mengapa pembelajaran melalui modeling memberi kesan yang sangat efektif dalam kehidupan seharian. Antaranya ialah kemahiran dapat dipupuk dengan hanya meniru tanpa perlu melibatkan kos yang mahal, menjimatkan masa, mengurangkan

risiko melakukan kesalahan, tingkah laku yang kompleks dapat dihasilkan dengan hanya demonstrasi daripada model yang kompeten serta penguasaan bahasa melalui pemantapan tatabahasa, struktur ayat dan pengucapan dapat dilakukan dengan mudah melalui peniruan pengucapan model (Bandura & McDonald 1963).

Model memberi pengaruh yang cukup besar dari sudut psikologi dan tingkah laku. Model mampu memberi tiga kesan yang berbeza kepada pemerhati bergantung kepada proses yang berbeza (1) pemerhati boleh menghasilkan tingkah laku yang baru dengan melihat tingkah laku yang dihasilkan oleh orang lain. Kesan pembelajaran melalui pemerhatian ini ditunjukkan secara jelas apabila model mempamerkan respons yang belum pernah dipelajari oleh pemerhati yang mana akhirnya mampu menghasilkan bentuk identiti yang ketara. (2) tingkah laku model mampu mengukuh atau melemahkan respons yang tingkah laku model mendapat hukuman, maka pemerhati tidak akan melakukan perbuatan tersebut, sebaliknya sekiranya model mendapat ganjaran pemerhati akan mengulangi perbuatan tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya pemerhati melihat model yang melakukan tingkah laku terlarang tidak dikenakan sebarang hukuman atau tindakan, maka pemerhati akan terus melakukan perbuatan yang salah tersebut. (Misbach 2013; Bandura & McDonald 1963).

Teori ini menjelaskan bahawa model memberi pengaruh yang cukup besar kepada psikologi dan tingkah laku pelajar. Peniruan tingkah laku boleh berlaku dengan pelbagai cara. (1) pemerhati boleh menghasilkan tingkah laku yang baru dengan melihat tingkah laku yang dihasilkan oleh orang lain. Kesan pembelajaran melalui pemerhatian ini ditunjukkan secara jelas apabila model mempamerkan respons yang belum pernah dipelajari oleh pemerhati yang mana akhirnya mampu menghasilkan bentuk identiti yang ketara; (2) tingkah laku model mampu mengukuh atau melemahkan respons yang tingkah laku model mendapat hukuman, maka pemerhati tidak akan melakukan perbuatan tersebut, sebaliknya sekiranya model mendapat ganjaran pemerhati akan mengulangi perbuatan tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya pemerhati melihat model yang melakukan tingkah laku terlarang tidak dikenakan sebarang hukuman atau tindakan, maka pemerhati akan terus melakukan perbuatan yang salah tersebut; (3) tingkah laku pelajar juga turut dipengaruhi oleh orang ketiga yang wujud dalam persekitaran seperti guru lain, rakan sebaya atau ibu bapa. (Miller & Dollard 1941; Misbach 2013)

Hal ini diakui oleh Miller dan Dollard (1941) yang menerangkan untuk memastikan proses peniruan berjaya, maka pemerhati hendaklah mempunyai motivasi untuk bertindak, model menunjukkan tingkah laku yang hendak dipelajari, pemerhati mesti menunjukkan respons yang sesuai dan model serta pemerhati diberi pengukuhan. Sekiranya proses peniruan tingkah laku mendapat ganjaran secara berterusan, nescaya peniruan tersebut akan beraksi umpama model sebenar. Ini jelas menunjukkan peniruan yang dilakukan berasaskan kepada ganjaran dalaman dan luaran. Peniru sendiri perlu mempunyai azam dan kehendak untuk meniru, model akan melakukan proses tunjuk cara dan pengukuhan luaran samada ganjaran dan hukuman memberi kesan kepada perbuatan yang ingin dilakukan.

CADANGAN

Perbincangan berkenaan Model Akhlak Nasih Ulwan dan Teori Permodelan Bandura menunjukkan satu persamaan iaitu kepentingan guru berperanan sebagai *qudwah hasanah (role model)* untuk menghasilkan satu peniruan tingkah laku oleh pelajar. Nasih Ulwan (1979) dan Bandura (1963) keduanya bersetuju dengan peranan yang dimainkan oleh guru sebagai model akhlak bagi memastikan kesinambungan tingkah laku yang mulia oleh pelajar. Pendidikan melalui

tauladan merupakan satu bentuk pendidikan yang mempunyai kesan pada mata hati dan mata kasar pelajar. Ini kerana pelajar lebih cepat terpengaruh dengan tingkah laku model kerana kaedah peniruan merupakan kaedah yang paling mudah untuk dilakukan.

Berdasarkan perbincangan di atas, Model akhlak Nasih Ulwan dan Teori Permodelan Bandura dicadangkan untuk digunakan sebagai panduan pembinaan instrumen penilaian sendiri akhlak Guru Pendidikan Islam. Pandangan daripada kedua-dua sarjana wajar diterjemahkan dalam bentuk satu alat ukur bagi memastikan setiap elemen yang dibincangkan boleh digunakan oleh setiap Guru Pendidikan Islam untuk mengukur tahap akhlak mereka. Prinsip asas yang dibincangkan oleh kedua-dua model dan teori boleh dikembangkan dalam bentuk sumbangan empirikal bagi menghasilkan satu alat pengukuran akhlak yang sah dan objektif.

PENUTUP

Kesimpulannya Guru Pendidikan Islam mempunyai peranan yang cukup besar bukan sahaja untuk memindahkan ilmu pengetahuan kepada pelajar tetapi juga memindahkan nilai yang baik untuk dihayati dan diamalkan oleh pelajar. Nasih Ulwan dan Bandura bersepakat guru yang efektif ialah guru yang mampu menjadi agen kepada peningkatan moral dan akhlak pelajar yang dididik. Nasih Ulwan menggunakan neraca akhlak Islam menekankan kepada akhlak dalaman dan akhlak luaran yang perlu ditonjolkan merangkumi hubungan dengan pencipta dan hubungan dengan manusia. Manakala Bandura menjelaskan peranan guru sebagai model penunjuk cara sesuatu nilai yang baik secara umum tanpa memperincikan setiap aspek perbuatan tersebut.

Model Akhlak Nasih Ulwan dan Teori Permodelan Bandura bersetuju bahawa pembelajaran melalui pemerhatian dan peniruan merupakan pembelajaran yang lebih efektif berbanding pembelajaran melalui lisan. Hakikatnya, seorang guru tidak akan terlepas daripada ikatan nilai, moral dan akhlak. Sahsiah seorang guru ditonjolkan samada melalui pengajaran, kata-kata ataupun tingkah laku. Secara khusus, akhlak Guru Pendidikan Islam merupakan stimulus kepada akhlak yang akan diamalkan oleh pelajar. Seorang guru diumpamakan satu rujukan akhlak yang sentiasa bergerak, berlegar dan mempengaruhi perlakuan pelajar. Sekiranya baik perilaku seorang guru, maka baiklah perilaku pelajar.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah & Masribanun Duki. 2007. *Penilaian pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap amalan kepimpinan* Guru Pendidikan Islam. <http://www.iab.edu.my/jurnal/Jurnal2007/PPSek.pdf> [10 Jun 2010]
- Abdul Muhsien Bin Sulaiman 2014. *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Murid Dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki* (W.386h/996m), Tesis Phd UM
- Abdul Rahman Al-Nahlawi, 1979, *Usul Al-Tarbiyyah AL-Islamiyyah*. Cetakan Damsyiq : Dar al-Fikr.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1998. *The concept of education in Islam: a framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Bandura, A. 1963. The role of imitation in personality. *The Journal of Nursery Education*, 18 (3).
- Bandura, A. 1971. *Social learning theory*. New York: General Learning Press.
- Bandura, A. 1986. *Social foundations of thought and action*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

- Bandura A & McDonald FJ. 1963. The influence of social reinforcement and the behavior of models in shaping children's moral judgements. *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 67:274-281.
- Berkowitz, M. W. 1996. *The 'Plus One' convention revisited and beyond. Paper presented at the Annual Meeting of the Association for Moral Education*, Ottawa, Canada, November.
- Fenderson, P. R. 2011. Personality Characteristics of 2009 National Teacher of the Year Candidates 1 – 76, Tesis PhD, Walden University .
- Fenstermacher, G. D. 1990. "Some moral considerations on teaching as a profession". In *The moral dimensions of teaching*, Edited by: Goodlad, J.S and Sirotnik, K., R. 130-151. San Francisco: Jossey-Bass
- al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. 1988. *Ihya' Ulumuddin Jiwa Agama*. Terj. Tk. Hj Ismail Yaakub Sh. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Gamal Abdul Nasir. 2003. Prinsip-prinsip Pendidikan Islam. Pahang: PTS Publications
- Hay McBer. 2000. Research into teacher effectiveness: A model of teacher effective-ness. Report to the Department for Education and Employment. Retrieved from. [https://www.education.gov.uk/publications/RSG/Teachersandschoolworkforce/student learning](https://www.education.gov.uk/publications/RSG/Teachersandschoolworkforce/student%20learning). British Journal of Educational Psychology.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025*.
- Miller, N. E., & Dollard, J. 1941. *Social Learning and Imitation*. New Haven: Yale University Press.
- Misbach, Ifa H., 2013. "The Pilot Study of Students' Perception on Teachers' Moral Character Scale in Indonesia" Master's Theses University of Connecticut
- Mohd Aderi Che Noh dan Ab. Halim Tamuri. 2009. Profesionalisme Guru Pendidikan Islam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 7. 7:596–609. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, & Kasim, Ahmad Yunus Karim. 2015. *Islamic Education Based on Quran and Sunna during Prophet Muhammad 's Era and Its Relationship With Teenagers Moral Formation*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 1(2).
- Nasih Ulwan, *Tarbiyyah al-Aulaḍ fi al-Islām*, Cet. 1. Penterjemah. Emiel Ahmad, Jakarta: Khatulistiwa Press, 2013 M
- Nasih Ulwan. 1989. Cet. Ke 3. *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam. Jilid 2*. Penterjemah: Saifullah Kamalie. Penyunting : Anwar Rasyidi. Kuala Lumpur ; Penerbit Darul Fikir
- Oser, F. K. 1994. *Moral perspectives on teaching, Review of Research in Education*, 20, pp. 57–127.
- Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim. 2012. *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA,. Retrieved from http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/html/159.htm
- Sarimah Mokhtar, Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman. 2011. *Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor*. *Global Journal Al-Thaqafah*,. doi:10.7187/GJAT072011.01.01
- Veugelers, W. 2001. *Teachers, values and critical thinking, in: S. R. STEINBERG (Ed.) Multi/Intercultural Conversations*. New York, Peter Lang. 199–215.
- Veugelers, W. & Vedder, P. 2003. *Values in teaching Values in Teaching. Teachers and Teaching: theory and practice* (Vol 9, No 4, November 2003), 0602(September). doi:10.1080/1354060032000097262
- Zaharah Husin. 2008. *Pembinaan Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak Untuk Latihan Perguruan Pendidikan Islam*. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan UKM
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2012. *Peranan Guru dalam Melonjak Transformasi Pendidikan Negara. Pelita Bahasa .pp 8-11* Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.